



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DAN BENCANA BANJIR DI MALAYSIA 3 JANUARI 2022

1. SITUASI SEMASA COVID-19

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia sehingga 3 Januari 2022 (jam 12:00 tengah hari);

- Kes sembuh : **3,535 kes** (2,695,751 kes kumulatif, 97.4%);
- Kes baharu : **2,690 kes** (2,767,044 kes kumulatif);
- Kes import : **300 kes** (278 warganegara; 22 bukan warganegara);
- Kes tempatan : **2,390 kes** [2,317 warganegara (96.9%); 73 bukan warganegara (3.1%)];
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU): **265 kes** (188 kes disahkan COVID-19; 77 kes disyaki, kemungkinan, dan kes dalam siasatan);

- Kes memerlukan bantuan pernafasan: **147 kes** (81 kes disahkan COVID-19; 66 kes disyaki, kemungkinan, dan kes dalam siasatan);
- Jumlah kluster : **6,137 kluster**;
- Jumlah kluster baharu : **3 kluster**;
- Jumlah kluster yang telah tamat : **5,931 kluster**; dan
- Jumlah kluster aktif : **206 kluster**.

Daripada **2,690 kes** harian yang dilaporkan pada hari ini;

- **52 kes (1.9 peratus)** adalah kategori 3, 4, dan 5; dan
- **2,638 kes (98.1 peratus)** lagi adalah terdiri daripada kategori 1 dan 2.

Perincian nilai RT mengikut negeri adalah seperti di Jadual 1 yang disertakan bersama kenyataan media ini. Manakala, maklumat terperinci lain berkenaan situasi semasa jangkitan dan penularan COVID-19 di Malaysia akan dimuatnaik ke laman web COVIDNOW di <https://covidnow.moh.gov.my>. Data akan dikemaskini pada jam 12:00 tengah malam setiap hari.

**JADUAL 1: NILAI R_T MENGIKUT NEGERI
BERDASARKAN KES YANG DILAPORKAN
PADA 2 JANUARI 2022**

NEGERI	NILAI R_T
KELANTAN	1.00
JOHOR	1.01
TERENGGANU	0.97
KEDAH	0.99
SABAH	0.95
PERAK	0.94
MELAKA	0.93
PULAU PINANG	0.93
PAHANG	0.96
WP PUTRAJAYA	0.94
NEGERI SEMBILAN	0.91
WP KUALA LUMPUR	0.91
SELANGOR	0.90
PERLIS	0.86
WP LABUAN	0.87
SARAWAK	0.77
MALAYSIA	0.99

2. SITUASI SEMASA BENCANA BANJIR

Sehingga jam 3 petang 3 Januari 2022, KKM juga ingin memaklumkan:

- Jumlah Pusat Perpindahan Sementara (PPS) yang masih beroperasi - **194 PPS** [Johor (70), Pahang (54), Melaka (23), Sabah (23), Negeri Sembilan (22), dan Selangor (2)];
- Jumlah negeri dilanda banjir - **Enam (6)** (Pahang, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Sabah);
- Jumlah keseluruhan mangsa terjejas banjir - **13,577 orang**;
- Jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 di PPS - **15 kes** (tiada kes baharu hari ini);
- Jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 dalam kalangan mangsa banjir - **461 kes** (1 kes baharu hari ini); dan
- Jumlah kluster COVID-19 di PPS: **1 kluster** (tiada pertambahan kluster baharu hari ini).

Pada 3 Januari 2022, sebanyak **39 kes** penyakit berjangkit yang dikesan dalam kalangan mangsa banjir. Bilangan kes yang dilaporkan adalah seperti dalam **Jadual 2**:

Penyakit Berjangkit	Bilangan Kes	
	Semasa	Kumulatif
Jangkitan Saluran Pernafasan Akut (ARI)	33	1,264
Penyakit Kulit	4	539
<i>Acute Gastroenteritis</i> (AGE)	2	252
Konjunktivitis	0	16
<i>Hand Foot & Mouth Disease</i> (HFMD)	0	6
Jumlah	39	2,077

Jadual 2: Pecahan kes penyakit berjangkit yang melibatkan mangsa banjir pada 3 Januari 2022

ANALISA SITUASI SEMASA JANGKITAN COVID-19 DI MALAYSIA (MINGGU EPIDEMIOLOGI KE-52)

Pada Minggu Epidemiologi (ME) ke-52 iaitu sepanjang 26 Disember 2021 sehingga 1 Januari 2022, sebanyak 23,071 kes baharu telah dilaporkan dengan 198 kes kematian, dan 40,963 purata kes aktif. Namun begitu, nilai Rt/Ro Malaysia turut mencatatkan peningkatan harian kepada 0.99 (95% CI 0.98-1.00) pada 1 Januari 2022 berbanding 0.88 (95% CI 0.87 – 0.89) pada 25 Disember 2021.





1. Indikator-Indikator Jangkitan COVID-19

Pada ME ke-52 iaitu daripada **26 Disember 2021 sehingga 1 Januari 2022**;

- **Peningkatan kes sebanyak 2.3 peratus** dari 22,554 kes kepada 23,071 berbanding ME ke-51. Peningkatan ini dilihat setelah penurunan kes dicatatkan sejak lima (5) minggu berturut-turut mulai ME ke-46.
- **Namun begitu, purata kes aktif mencatatkan penurunan sebanyak 15 peratus** dengan purata 40,963 kes pada ME ke-52. Penurunan ini telah diperhatikan semenjak lima (5) minggu yang lalu.
- Kes kematian **menurun sebanyak 18.2 peratus** dengan 198 kematian pada ME ke-52 berbanding 242 kematian


pada ME ke-51. Penurunan ini dicatatkan pada ME ke-52 setelah sedikit peningkatan dilihat pada ME ke-51.

- Purata kes yang memerlukan rawatan di *Intensive Care Unit (ICU)* menunjukkan **penurunan sebanyak 18 peratus** iaitu 277 kes (ME ke-50) kepada 226 kes (ME ke-52).
- Purata kes yang memerlukan **alat bantuan pernafasan** turut menunjukkan **penurunan 30.2 peratus** iaitu dari 125 kes (ME ke-50) ke 87 kes (ME ke-52).
- **Nilai Rt meningkat** kepada 0.99 (95% CI 0.98 – 1.00) pada 1 Januari 2022 dan peningkatan ini dicatat semenjak 25 Disember 2021.

	ME ke-51 (19/12- 25/12)	ME ke-52 (26/12- 01/01)	Perbandingan ME 51/52 (%)
Kes Baharu	22,554	23,071	 2.3
Kes Kematian	242	198	 -18.2
Penggunaan Katil ICU (Purata)	277	226	 -18.4
Penggunaan Alat Bantuan Pernafasan (Purata)	125	87	 -30.4


Jadual 1 Perbandingan Indikator Jangkitan COVID-19 bagi ME ke-51 dan ME ke-52

Berdasarkan **Jadual 1**, penggunaan katil ICU menurun sebanyak 18.4 peratus manakala kes kematian juga menurun sebanyak 18.5 peratus. Penggunaan alat bantuan pernafasan juga dilihat menurun dengan mendadak iaitu sebanyak 30.4 peratus pada ME ke-52.



Rajah 1 Purata Mingguan Kes COVID-19 di ICU

Berdasarkan **Rajah 1**, penggunaan ICU untuk kes COVID-19 jelas mencatatkan penurunan berturut-turut mulai lapan (8) minggu yang lepas iaitu dari ME ke-45.













Rajah 2 Purata Mingguan Kes COVID-19 Yang Memerlukan Alat Bantuan Pernafasan

Selain itu, tren penurunan penggunaan alat bantuan pernafasan untuk kes COVID-19 juga dapat dilihat dengan ketara mulai 20 minggu lepas iaitu dari ME ke-33 berdasarkan **Rajah 2**.

2. Kluster

Pada ME ke-52, terdapat peningkatan kluster baharu sebanyak 33.3 peratus berbanding ME ke-51 manakala terdapat penurunan kepada kluster aktif iaitu 3.6 peratus berbanding ME ke-51. Selain itu, sebanyak 40 kluster telah diisytiharkan tamat pada ME ke-52. Peratusan kluster tamat ini menurun sebanyak 24.5 peratus berbanding ME ke-51 dan kluster baharu dilihat semakin meningkat sebanyak 8 kluster baharu (33.3 peratus) pada ME ke-52. Pecahan kluster baharu dapat dilihat pada jadual 2;

- **Lapan belas (18)** kluster tempat kerja;
- **Lima (5)** kluster komuniti;
- **Empat (4)** kluster import;
- **Dua (2)** kluster pusat pendidikan;
- **Satu (1)** kluster kumpulan berisiko tinggi;
- **Satu (1)** kluster aktiviti keagamaan; dan
- **Satu (1)** kluster pusat tahanan.

	ME ke-51 (19/12 – 25/12)	ME ke-52 (26/12 – 01/01)	Perbandingan (ME 51/52) (%)
Kluster Aktif	223	215	 3.6
Kluster Tamat	53	40	 24.5
Kluster Baharu	24	32	 33.3
Kategori Kluster Baharu			
1. Tempat kerja	8	18	 125.0
2. Institut Pendidikan	4	2	 50.0
3. Komuniti	5	5	 0.0
4. Kumpulan Berisiko Tinggi	3	1	 66.7
5. Aktiviti Keagamaan	2	1	 50.0
6. Pusat Tahanan	1	1	 0.0
7. Import	1	4	 300.0

Jadual 2 Kluster Baharu pada ME ke-52


Berdasarkan Jadual 2, terdapat **peningkatan yang ketara bagi kluster tempat kerja dan kluster import**, manakala kategori kluster yang lain menunjukkan penurunan kecuali kluster komuniti dan pusat tahanan yang kekal statik pada ME ke-52. Peningkatan kluster tempat kerja ini menunjukkan pematuhan kepada Prosedur Operasi Standard (SOP) masih lagi di tahap yang rendah. Hal ini tidak seharusnya berlaku memandangkan masyarakat di Malaysia sepatutnya telah cakna akan kepentingan SOP dalam memutuskan rantai COVID-19. KKM ingin mengingatkan masyarakat bahawa pematuhan kepada

SOP masih perlu diamalkan walaupun populasi Malaysia sudah mencapai 78.4 peratus lengkap divaksinasi supaya penularan COVID-19 dapat dikurangkan seiring dengan pembukaan semua sektor ekonomi dan peningkatan aktiviti sosial.

Berdasarkan data yang diperolehi Persatuan Kesihatan Sedunia (WHO), kes COVID-19 yang melibatkan varian Omicron telah dilaporkan dalam 110 negara sehingga 22 Disember 2021. Seperti yang semua sedia maklum, pada ME ke-51 dan ME ke-52, kes positif COVID-19 dalam kalangan pengembara yang tiba dari Arab Saudi mencatatkan bilangan tertinggi iaitu 1,161 kes berbanding Singapura (913 kes), Indonesia (8 kes), dan United Kingdom (49 kes). Oleh itu, KKM telah melaksanakan beberapa langkah bagi mengelakkan penularan COVID-19 dalam komuniti dan salah satu langkahnya telah berkuatkuasa mulai **3 Januari 2022**.

Jemaah umrah yang baru tiba di Malaysia **perlu menjalani kuarantin di stesen kuarantin** yang ditetapkan oleh pihak NADMA. Bagi pengembara yang datang dari negara yang lain, mereka boleh membuat permohonan untuk kuarantin di rumah melalui aplikasi *Home Quarantine Application* (HQA) iaitu <https://hso.moh.gov.my/outbreak-portal-hqa/index>. Setelah penilaian risiko dilakukan oleh pasukan Perintah Pengawasan dan Pemerhatian (HSO) dan HQA diluluskan, maka pengembara boleh menjalani kuarantin di rumah.

Walaupun bagaimanapun, KKM ingin menegaskan bagi **individu yang mendapat kebenaran menjalani kuarantin di rumah supaya tidak menerima kunjungan daripada ahli keluarga, sahabat handai, dan jiran tetangga semasa dalam tempoh kuarantin.** Ini bagi mengelakkan penularan jangkitan COVID-19 kepada pelawat dan seterusnya kepada komuniti.



Rajah 3 Jumlah Kluster Aktif bagi setiap ME 2021


Rajah 3 menunjukkan penurunan kluster aktif yang dicatatkan selama 18 minggu berturut-turut (ME ke-34) dengan sedikit peningkatan jumlah kluster aktif pada ME ke-49. Jumlah kluster aktif pada ME ke-52 adalah sebanyak 215, menurun 3.6 peratus berbanding minggu lepas.

3. Kapasiti Hospital

Kadar penggunaan fasiliti kesihatan seperti katil bukan ICU, katil ICU, dan katil di PKRC didapati menurun pada ME ke-52. Penggunaan katil di PKRC mencatatkan penurunan sebanyak tiga (3) peratus, penggunaan katil bukan ICU di hospital menurun sebanyak satu (1) peratus, dan penggunaan katil ICU menurun sebanyak enam (6) peratus berbanding ME ke-51 seperti yang digambarkan pada Jadual 3.

Fasiliti Kesihatan	Kapasiti (Purata)	Jumlah Penggunaan (Purata)	Kadar Penggunaan (%)	Perbandingan ME 51/52 (%)
Katil Bukan ICU (Hospital)	12,587	3,520	28%	↓ 1 %
Katil PKRC	17,690	3,325	19%	↓ 3 %
Katil ICU	1,049	288	27%	↓ 6 %
Alat Bantuan Pernafasan	2,877	1,066	37%	↑ 1 %

Jadual 3 : Jumlah Penggunaan Fasiliti Kesihatan bagi ME ke-51 dan ME ke-52



Rajah 4 Jumlah Kemasukan Pesakit COVID-19 ke Hospital Awam (Kategori 3-5) berdasarkan Umur di peringkat Kebangsaan, Per 100,000 Populasi (ME ke-43 hingga ME ke-52)

Keberkesanan pemberian dos penggalak dalam menghindari gejala COVID-19 yang teruk dapat dilihat dengan jelas pada Rajah 4 yang menunjukkan jumlah kemasukan pesakit COVID-19 (kategori 3 hingga 5) ke hospital awam di peringkat kebangsaan mencatatkan penurunan mulai ME ke-46 bagi golongan warga emas, selari dengan pelancaran program pemberian dos penggalak yang bermula pada 13 Oktober 2021 (ME ke-42). Situasi yang sama turut berlaku pada golongan dewasa yang mencatatkan penurunan kemasukan pesakit yang bergejala teruk ke hospital awam sejak ME ke-47 sehingga kini. Oleh itu, KKM ingin mengingatkan sekali lagi bagi individu yang berkecenderungan namun masih belum mendapatkan vaksin COVID-19 atau dos penggalak supaya segera mendaftarkan diri agar

diri dan keluarga dilindungi daripada kemudaratan virus berbahaya ini justeru dapat mengelakkan penularan virus COVID-19 dalam kalangan masyarakat.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN PANDEMIK COVID-19 DAN BENCANA BANJIR

KKM ingin menasihatkan orang ramai supaya:

1. **Memaklumkan status risiko COVID-19** kepada anggota penyelamat sekiranya disahkan positif COVID-19 atau dikenal pasti sebagai kontak rapat agar tindakan sewajarnya dapat diambil semasa proses pemindahan dan penyelamatan;
2. **Sentiasa patuh kepada SOP** dan amalan norma baharu semasa proses pemindahan dan sepanjang tempoh berada di PPS;
 - i. **Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang **sesak, sempit,** dan **sembang** dengan jarak yang dekat);
 - ii. **Amalkan 3W:** (Amalkan **Wash, Wear** dan **Warn**);
dan
 - iii. Sentiasa memakai pelitup muka di kawasan awam yang tertutup. Pemakaian pelitup muka berganda adalah digalakkan.
3. **Elakkan dari berkumpul beramai-ramai** dalam kalangan mangsa banjir semasa berada di PPS;

4. **Memakai pelindung diri** semasa operasi memindahkan mangsa banjir dan sewaktu melakukan proses-proses pembersihan pasca banjir;
5. **Pastikan kebersihan diri terjaga** dengan segera membersihkan badan yang terkena air banjir dengan air bersih dan amalkan mencuci tangan menggunakan cecair pembasmi kuman atau sabun terutamanya apabila pergi ke tempat menjadi gunasama seperti tandas;
6. **Elakkan diri daripada bermain atau meredah air banjir;**
7. **Sentiasa menjaga kebersihan kawasan PPS** untuk mengelakkan daripada penyakit bawaan vektor;
8. **Elakkan daripada minum air dan makan makanan yang sudah tercemar;**
9. **Sekiranya bergejala, segera dapatkan rawatan** di klinik atau hospital yang berhampiran terutamanya bagi individu yang berisiko tinggi seperti warga emas, kanak-kanak, wanita hamil, dan juga individu yang mempunyai komorbiditi; dan
10. **Petugas perubatan di semua fasiliti kesihatan perlu lebih berwaspada akan gejala-gejala penyakit** yang sering dikaitkan dengan kejadian banjir seperti yang disebutkan di atas, seterusnya melakukan pemeriksaan yang sepatutnya agar rawatan segera dapat diberikan.

KKM akan sentiasa memantau dan menjalankan aktiviti kawalan dan pencegahan sebaik-baiknya agar penyakit berjangkit akibat bencana banjir terutamanya COVID-19 dapat dibendung. Untuk maklumat lebih lanjut dan kemaskini mengenai info bencana banjir, sila layari laman sesawang <https://infobencanajkmv2.jkm.gov.my/portal/index>

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

3 Januari 2022 @ 7:00 petang